

ANALISIS CORAK PERBELANJAAN PERKAHWINAN DALAM KALANGAN GRADUAN

Wedding Expenditure among Graduates Pattern Analysis

Fatimah Salwa Abd. Hadi¹, Nurhanie Mahjom², Fidlizan Muhammad³, Mohd Yahya Mohd Hussin⁴, Normala Zulkifli⁵, Norimah Rambeli @ Ramli⁶, Mohamad Azahari Ahmad⁷
^{1, 2, 3, 4, 5, 6} Fakulti Pengurusan & Ekonomi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

⁷Unit Pematuhan Syariah, Bahagian Pengurusan Syariah & Pembangunan Angkasa,
Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
fatimahsalwa@fpe.upsi.edu.my

Abstrak

Meskipun pernikahan merupakan aspek penting bagi membina sesebuah keluarga dan masyarakat yang harmoni, pelaksanaannya pada masa kini dilihat semakin sukar terutamanya dari segi perbelanjaan perkahwinan. Justeru, kajian ini memberi fokus untuk mengenal pasti corak perbelanjaan perkahwinan menurut perspektif Islam. Ini termasuklah aspek mas kahwin, *walimah al-urus* dan elemen sampingan yang lain. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dengan melibatkan seramai 214 responden di sekitar Kuala Lumpur yang dipilih secara rawak. Hasil kajian mendapati perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan graduan masa kini berada di tahap yang tinggi terutamanya dalam elemen-elemen sampingan. Beberapa cadangan turut diketengahkan di akhir bahagian kajian untuk rujukan bagi kajian-kajian akan datang.

Kata kunci perbelanjaan perkahwinan, graduan, mas kahwin, *walimah al-urus*

Abstract

Despite marriage being an important aspect in building a harmonious family and community, its implementation at present time appears to be more difficult especially when it comes to wedding expenditures. Hence, this study will focus on analysing the pattern of marriage expenditures following the Islamic perspective. This includes the aspect of mahr (mas kahwin), marriage banquet (walimah al-urus) and other side elements. Questionnaires were used as the study instrument while involving 214 randomly-picked respondents around Kuala Lumpur. The study outcome finds wedding expenditures among graduates at present time to be at a high cost especially for the side elements. Several suggestions are mentioned at the end of the study as reference for future studies.

Keywords wedding expenditures, graduates, mahr, marriage banquet

PENGENALAN

Perkahwinan mempunyai falsafah yang unggul dan suci menurut perspektif Islam. Selain dapat memenuhi fitrah berpasangan, perkahwinan dikira sebagai ibadah yang dapat meningkatkan kedudukan seseorang, melengkapkan sebahagian daripada agamanya, memberi ketenangan hidup serta mampu memelihara kesucian diri. Maka, tidak hairanlah apabila Rasulullah S.A.W sendiri menyeru para pemuda untuk berkahwin sekiranya telah mempunyai kemampuan. Galakan ini perlu disambut oleh umat Islam dan bukan memandangnya sebagai satu perkara yang sukar (Syh Noorul Madihah, Raihanah & Asmak, 2016).

Meskipun perkahwinan itu sendiri memberikan manfaat yang pelbagai kepada manusia, ia bukanlah suatu benda yang mudah untuk dilaksanakan lebih-lebih lagi apabila menyentuh soal perbelanjaan dalam membina perkahwinan itu sendiri pada masa kini. Di awal perkahwinan misalnya, pihak suami perlu mengeluarkan sejumlah harta untuk diserahkan kepada pihak isteri seperti mahar. Selain melambangkan kecintaan suami kepada isterinya, pemberian tersebut melambangkan kesanggupan suami untuk memikul tanggungjawab menjaga kebajikan isterinya selepas berkahwin nanti. Selain daripada itu, Islam juga mensyariatkan pelaksanaan majlis resepsi perkahwinan yang bertujuan untuk menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat umum (Ahmad Iman, 2010).

Tidak dapat dinafikan, perbelanjaan perkahwinan dewasa ini menjadi semakin rumit dan membebankan terutamanya kepada golongan muda disebabkan oleh kepelbagaian adat dan norma perkahwinan masyarakat setempat yang pelbagai. Keterbatasan sumber kewangan golongan muda terutamanya para graduan telah menggalakkan mereka untuk membuat pinjaman daripada pihak bank demi membolehkan majlis resepsi pertunangan dan perkahwinan dijalankan seperti mana yang diimpikan. Keadaan tersebut bukan sahaja meningkatkan kadar keberhutangan isi rumah terutamanya golongan muda, bahkan turut menjadi racun yang memusnahkan perkahwinan yang dibina (Kosmo, 2015).

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti corak perbelanjaan perkahwinan pada masa kini dalam kalangan graduan. Hal ini penting bagi melihat sejauh mana kebenaran perbelanjaan perkahwinan adalah tinggi dan membebankan pada masa kini. Sehubungan dengan itu, elemen-elemen perbelanjaan menurut perspektif Islam seperti mana yang dibincangkan oleh Syh Noorul Madihah, Raihanah & Asmak (2014) menjadi landasan kepada analisis yang akan dijalankan. Menurut mereka, terdapat tiga elemen yang diiktiraf oleh Islam dalam perbelanjaan perkahwinan. Ini termasuklah mas kahwin, *walimah al-urus* dan elemen-elemen sampingan yang lain.

SOROTAN LITERATUR

Pelaksanaan majlis perkahwinan pada masa kini sememangnya melibatkan perbelanjaan yang besar dan memberi pengaruh kepada golongan muda. Pelbagai persiapan yang perlu dilakukan bermula dari majlis pertunangan sehinggalah resepsi. Ini bukan sahaja melibatkan penggunaan wang yang banyak, bahkan turut menuntut kemahiran pengurusan kewangan yang tinggi (Syed Mahadzir, 2009).

Secara umumnya, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan terhadap corak perbelanjaan dan juga kemahiran pengurusan kewangan. Ini termasuklah kajian yang dijalankan oleh Jariah Masud (1982) adalah untuk mengkaji corak perbelanjaan dalam kalangan keluarga Cina dan Melayu di kawasan bandar di samping untuk mengetahui serta mengenal pasti tingkah laku pengurusan keluarga Melayu dan Cina dalam aspek perbelanjaan dan pembelian kredit. Sampel kajian terdiri daripada 173 buah keluarga Melayu dan Cina yang berusia antara 21 hingga 50 tahun di sekitar Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, Mohd Diah (2011) juga telah menjalankan satu kajian untuk mengkaji corak perbelanjaan kad kredit secara Islam oleh pelanggan bank. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kepuasan pengguna terhadap corak penggunaan kad kredit Islam, mengkaji perbezaan tahap kepuasan pelanggan menggunakan kad kredit Islam berdasarkan

faktor demografi serta mengkaji faktor-faktor dimensi kualiti perkhidmatan kad kredit Islam dengan tahap kepuasan pelanggan.

Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman, Mohd Safar Hasim & Abdul Hamid Jaafar (2012) pula telah menjalankan satu kajian untuk meneliti corak perbelanjaan pelancong dari Timur Tengah dan menganalisis kesannya kepada ekonomi Malaysia. Sampel kajian ini terdiri daripada 876 orang responden iaitu pelancong Timur Tengah yang dipilih secara rawak. Kajian ini dijalankan di dua buah bandar besar iaitu di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang. Sementara itu, Mohamad Idham Md Razak, Nur Elimtiaaz Abidin, Mohd Azmil Mohd Yusof, Siti Rosnita Sakarji & Khadijah Mohd Nor (2014) telah menjalankan kajian untuk mengkaji corak perbelanjaan dalam kalangan remaja berusia 18 hingga 30 tahun di Malaysia. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 50 orang responden dalam kalangan remaja di sekitar Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Terdapat juga kajian yang memberi fokus kepada aspek perkahwinan. Sebagai contoh, Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman (2014) telah menjalankan satu kajian yang berkaitan dengan konsep *al-Taysir* dalam perbelanjaan perkahwinan Islam. Kajian ini menganalisis teks dan dokumen yang berkaitan dengan perbelanjaan perkahwinan mengikut perundangan Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa konsep *al-Tasyir* sememangnya wujud dalam perbelanjaan perkahwinan Islam.

Selain daripada itu, sebuah kajian yang dijalankan oleh Andrew Francis-Tan & Hugo M. Mialon (2015) adalah mengenai perbelanjaan perkahwinan dan jangka masa sesebuah perkahwinan yang dibina. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara perbelanjaan perkahwinan dengan tempoh perkahwinan. Sampel kajian terdiri daripada 3,370 orang penduduk Amerika Syarikat dewasa yang pernah berkahwin dengan seseorang yang berlainan jantina dan tidak menjadi balu tetapi hanya 3,151 orang responden yang menjawab soal selidik dengan baik dan lengkap.

Selanjutnya, kajian Syh Noorul Madihah, Raihanah & Asmak (2016) pula mengetengahkan konsep perbelanjaan perkahwinan Rasulullah. Melalui analisis kualitatif yang dijalankan, kajian mendapati terdapat empat corak perbelanjaan yang diamalkan oleh Rasulullah. Ini termasuklah perbelanjaan kepada perkara-perkara yang bermanfaat, perbelanjaan mengikut kemampuan, perbelanjaan secara sederhana dan perbelanjaan secara kerjasama.

Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa tiada satu kajian yang pernah dijalankan untuk mengkaji corak perbelanjaan perkahwinan berdasarkan perspektif Islam meskipun terdapat ramai penulis yang menyatakan nilainya semakin meningkat dari masa ke masa. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan corak perbelanjaan perkahwinan daripada perspektif Islam dalam kalangan generasi muda iaitu graduan di sekitar Kuala Lumpur.

METODOLOGI

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti corak perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan graduan pada masa kini. Corak perbelanjaan perkahwinan dianalisis berdasarkan tiga elemen penting yang digariskan oleh Islam iaitu *mas kahwin*, *walimah al-urus* dan sampingan yang lain. Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian, borang soal selidik telah diedarkan secara bersemuka dengan responden.

Seramai 214 responden yang kesemuanya adalah lelaki dipilih secara rawak dalam kajian yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur. Selain itu, responden juga merupakan graduan yang telah menamatkan pengajian di mana-mana peringkat ijazah sekurang-kurangnya tiga tahun yang lepas dan mendirikan rumahtangga buat kali pertama pada tahun 2016. Dalam menganalisis maklumat yang diperolehi, kajian ini hanya menggunakan analisis deskriptif seperti nilai min, minimum, maksimum, peratus dan lain-lain.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat dua bahagian penting yang akan dikupas dalam bahagian ini. Bahagian satu akan membincangkan tentang profil responden manakala bahagian kedua pula berkenaan perbelanjaan perkahwinan menurut perspektif Islam. Ini termasuklah mas kahwin, *walimah al-urus* dan elemen sampingan yang lain.

Profil Responden

Secara umumnya, responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan graduan dalam negara yang telah melangsungkan perkahwinan buat kali pertama sepanjang tahun 2016. Lokasi kajian ini dijalankan adalah di sekitar Kuala Lumpur dan kesemua responden yang terlibat adalah lelaki. Selanjutnya, maklumat bagi 214 responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Dari sudut pendidikan, lebih kurang 90 peratus responden merupakan pemegang ijazah sarjana muda dan selebihnya berkelulusan sarjana dan doktor falsafah. Kesemua mereka memperoleh ijazah masing-masing sejak tiga tahun kebelakangan ini. Kemudian, hampir 60 peratus responden berumur di antara 21 hingga 25 tahun. Umur termuda dan tertua responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 22 dan 35 tahun.

Jadual 1 Maklumat Responden Kajian

Profil Responden	Keterangan	Jumlah (n=214)	
		Frekuensi	Peratus
Pendidikan Tertinggi	Sarjana Muda	194	90.66
	Sarjana	13	6.07
	Doktor Falsafah	7	3.27
Umur	21 – 25 tahun	124	57.94
	26 – 30 tahun	67	31.31
	31 – 35 tahun	23	10.75
Pekerjaan	Kerajaan	68	31.78
	Swasta	114	53.27
	Sendiri	32	14.95
Pendapatan Bersih (bulanan)	RM1,001 – RM2,000	7	3.27
	RM2,001 – RM3,000	14	6.54
	RM3,001 – RM4,000	119	55.61
	RM4,001 – RM5,000	64	29.91
	≥ RM5,001	10	4.67

Simpanan (bulanan)	Tiada	39	18.22
	RM100 – RM200	26	12.15
	RM201 – RM300	80	37.38
	RM301 – RM400	46	21.50
	≥ RM401	23	10.75

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa lebih separuh daripada jumlah keseluruhan responden bekerja di agensi swasta. Hanya 31.78 dan 14.95 peratus responden bekerja di sektor awam dan bekerja sendiri. Selain daripada penawaran pekerjaan yang tinggi dalam sektor swasta, fenomena ini turut didorong oleh permintaan yang tinggi daripada responden kajian untuk memasuki sektor tersebut. Selain ditawarkan gaji yang lebih tinggi, proses penerimaan kerja yang mudah dan cepat di sektor swasta turut menjadi menyumbang kepada fenomena tersebut.

Dari sudut pendapatan, lebih 55 peratus responden mempunyai nilai bersih di antara RM3,001 sehingga RM4,000. Sementara itu, hampir 30 peratus responden mempunyai pendapatan bersih di antara RM4,001 sehingga RM5,000. Hanya sebilangan kecil (4.67 peratus) mempunyai pendapatan lebih daripada RM5,001. Bagi mereka yang berpendapatan rendah (RM1,001 hingga RM2,000), terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada fenomena tersebut. Di antaranya termasuklah baru sahaja memulakan perniagaan, jawatan yang disandang lebih rendah daripada kelulusan yang dimiliki, bekerja secara separuh masa atau kontrak dan sebagainya.

Selanjutnya, dapatan menunjukkan bahawa 81.78 peratus mempunyai simpanan bulanan. 12.15 peratus daripadanya menyimpan di antara RM100 hingga RM200, 37.38 peratus menyimpan RM201 hingga RM300, 21.50 peratus menyimpan RM301 hingga RM400 dan 10.75 peratus lebih daripada RM400. Faktor harga barangan yang tinggi dan sikap atau tabiat responden didapati menjadi penyumbang kepada tahap simpanan wang yang rendah.

Perbelanjaan Perkahwinan

Terdapat tiga elemen perbelanjaan perkahwinan menurut perspektif Islam. Ini termasuklah mas kahwin, *walimah al-urus* dan juga sampingan yang lain. Meskipun mas kahwin dan *walimah al-urus* merupakan perkara asas yang perlu dipenuhi apabila berlakunya perkahwinan, Islam tetap mengiktiraf elemen-elemen sampingan lain selagi mana tidak bertentangan dengan ajarannya. Justeru, corak perbelanjaan responden terhadap ketiga-tiga elemen akan diperbincangkan seperti mana yang berikut.

a. Mas Kahwin

Memandangkan kajian ini dijalankan di sekitar Kuala Lumpur, kadar mas kahwin yang telah dikeluarkan oleh responden adalah seperti yang terdapat dalam jadual di bawah. Seperti mana yang telah diketahui, kadar mas kahwin yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi anak yang tinggal di Kuala Lumpur adalah RM80. Meskipun begitu, terdapat juga pasangan yang tidak mengikut ketetapan tersebut dan menyerahkan mas kahwin dengan nilai yang lain mengikut persetujuan yang telah dicapai.

Jadual 2 Mas Kahwin yang diserahkan oleh responden kepada Pasangan

Keterangan	Frekuensi (n=214)	Peratus (%)
RM80	194	90.65
Lain-lain	20	9.35

Sebanyak 90.65 peratus responden menyerahkan mas kahwin kepada pasangan masing-masing mengikut apa yang telah ditetapkan oleh JAKIM iaitu sebanyak RM80. Manakala yang selebihnya adalah mengikut kata sepakat yang telah dicapai. Meskipun begitu, nilai mas kahwin yang diserahkan adalah melebihi nilai sedia ada yang ditetapkan oleh JAKIM. Nilai terendah dan tertinggi mas kahwin yang diserahkan oleh responden adalah RM500 dan RM20,000.

b. *Walimah al-urus*

Walimah al-urus merupakan elemen seterusnya yang terkandung dalam perbelanjaan perkahwinan. Secara umumnya, ia merujuk kepada hidangan makanan yang disajikan kepada tetamu bersempena dengan majlis perkahwinan yang dijalankan. Pada masa kini, terdapat dua kaedah yang sering digunakan bagi menyediakan makanan kepada tetamu iaitu secara bergotong royong atau katering.

Jadual 3 Kaedah Penyediaan Makanan

Keterangan	Frekuensi (n=214)	Peratus (%)
Gotong royong	23	10.75
Katering	191	89.25

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 90 peratus responden memilih untuk menggunakan khidmat katering bagi menyediakan juadah kepada para tetamu yang dijemput sempena dengan perkahwinan yang dijalankan. Manakala selebihnya masih lagi mengamalkan penyediaan makanan secara bergotong-royong. Pada kebiasaannya, keluarga terdekat, jiran mahupun sahabat handai akan memberikan bantuan dalam melaksanakan penyediaan makanan secara gotong royong. Majlis perkahwinan kebiasaannya diadakan di rumah sekiranya kaedah penyediaan makanan secara gotong royong dipilih. Seterusnya, jadual di bawah menunjukkan perbelanjaan *walimah al-urus* yang menggunakan kaedah gotong royong dalam menyediakan makanan kepada tetamu. Nilai min adalah RM18,844.00 dengan nilai minimum dan maksimum iaitu RM10,000.00 dan RM35,500.00.

Jadual 4 Perbelanjaan *Walimah al-urus* dengan Menggunakan Kaedah Gotong-royong

Keterangan	Nilai
Min	RM18,844.00
Minimum	RM10,000.00
Maksimum	RM35,500.00

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan penyediaan makanan secara katering menjadi pilihan pada masa kini. Ini termasuklah ketiadaan lokasi untuk menyediakan makanan secara gotong-royong terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan perumahan kondominium atau flat, komitmen kerja, ketiadaan kepakaran untuk memasak dalam kuantiti yang banyak, pakej-pakej katering yang menarik dan menawarkan harga yang berpatutan serta lain-lain.

Selanjutnya, jadual di bawah pula menunjukkan perbelanjaan *walimah al-urus* dengan menggunakan kaedah catering. Nilai minimum dan maksimum yang telah dibelanjakan oleh responden adalah RM20,000.00 dan RM82,000.00. Secara purata pula, responden telah membelanjakan RM32,450.20. Meskipun agak tinggi, perbelanjaan tersebut dianggap biasa dan munasabah oleh kebanyakan responden bersesuaian dengan harga barang dan perkhidmatan yang semakin tinggi dari masa ke masa.

Jadual 5 Perbelanjaan *Walimah al-urus* dengan Menggunakan Kaedah Catering

Keterangan	Nilai
Min	RM32,450.20
Minimum	RM20,000.00
Maksimum	RM82,000.00

c. Lain-lain

Selain daripada mas kahwin dan *walimah al-urus*, Islam turut mengiktiraf elemen sampingan yang lain dalam perbelanjaan perkahwinan. Di antara elemen-elemen sampingan lain tersebut adalah seperti solekan, pelamin, kanopi, sewaan dewan, wang hantaran, barangan hantaran, set barang kemas, hiasan bilik pengantin dan rumah, juru gambar, kad jemputan, perkhidmatan juru hebah, upah kadi dan saksi dan sebagainya.

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh, kajian mendapati nilai min tertinggi adalah bagi perbelanjaan wang hantaran dengan nilai RM12,460.00 dan diikuti oleh pakej bulan madu dan barangan hantaran masing-masing RM8,362.00 dan RM8,003.00. Sementara itu, nilai min terendah pula adalah bagi perbelanjaan upah kadi dan saksi (RM501) dan diikuti oleh juru hebah dan PA sistem (RM623).

Jadual 6 Perbelanjaan Sampingan

Keterangan	Min (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Solekan	2,195	600	4,000
Pelamin	3,420	850	7,500
Kanopi	3,555	2,500	5,500
Sewaan dewan	2,500	500	5,000
Juru gambar	2,474	660	5,000
Kad jemputan	2,257	150	5,000
Hiasan rumah	5,356	2,500	10,000
Hiasan bilik pengantin	6,446	2,650	13,000
Cenderahati (<i>door gift</i>)	5,687	2,000	15,500
Wang hantaran	12,460	8,000	30,000
Barang hantaran	8,003	3,500	10,000
Pakej bulan madu	8,362	1,500	20,000
Pakaian keluarga	3,330	700	5,000
Pakaian pengantin	3,450	1,500	6,000
Set barang kemas	5,559	1,000	15,000
Upah kadi dan saksi	501	250	1,000
Juru hebah dan PA sistem	623	500	1,000

Memandangkan wang hantaran merupakan elemen sampingan yang paling tinggi dibelanjakan, nilai minimum dan maksimum bagi item tersebut adalah RM8,000.00 dan RM30,000.00. Di antara faktor penyumbang kepada peningkatan wang hantaran setiap tahun adalah disebabkan oleh status, tabiat manusia yang suka bersaing dalam membuat penetapan wang hantaran, mentaliti masyarakat yang sempit dan lain-lain.

Setelah wang hantaran, pakej bulan madu merupakan item tertinggi yang turut dibelanjakan oleh pengantin dengan nilai maksimum RM20,000.00. Selain memilih lokasi berbulan madu di luar negara, pemilihan hotel lima bintang sebagai lokasi berbulan madu di dalam negara turut menjadi penyumbang kepada peningkatan perbelanjaan pada elemen tersebut.

RUMUSAN

Berpandukan hasil dapatan yang diperoleh, perbelanjaan perkahwinan pada masa kini disimpulkan berada pada tahap yang tinggi dan dijangka terus meningkat dari semasa ke semasa. Trend tersebut bukan sahaja menyebabkan ramai golongan muda bakal menanggungkan perkahwinan atau tidak berkahwin, bahkan turut menyumbang kepada gejala sosial yang tidak diingini. Selain daripada itu, amalan perbelanjaan perkahwinan yang tinggi turut menyebabkan golongan muda terjerat dengan kadar hutang yang tidak munasabah bagi membiayai majlis perkahwinan yang diidamkan.

Sehubungan dengan itu, individu terutamanya golongan muda harus bijak membuat perancangan perbelanjaan dengan teliti. Pada dasarnya, tidak wujud sebarang permasalahan sekiranya mereka mempunyai wang untuk dibelanjakan bagi membiayai majlis perkahwinan yang diidamkan dan bukannya melalui pinjaman bank. Golongan muda juga disarankan untuk berbelanja mengikut kemampuan dan tidak terpengaruh dengan trend semasa. Masyarakat juga secara umumnya perlu memahami dan memberi sokongan kepada golongan muda dalam merealisasikan majlis perkahwinan yang di dalam kemampuan.

Sebagai cadangan untuk kajian akan datang, jumlah sampel wajar di ambil dalam jumlah yang lebih besar dan mewakili setiap negeri supaya hasil kajian dapat digeneralisasikan. Selain daripada itu, perbandingan perbelanjaan perkahwinan di antara bangsa seperti Melayu, India, Cina dan lain-lain turut digalakkan bagi melihat trend perbelanjaan perkahwinan di Malaysia.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih di atas Geran Penyelidikan Universiti yang diberikan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (Kod Projek: 2015-0137-107-01).

BIBLIOGRAFI

- A. A. Al-Mutawalli (2010). *al-Dhawabith al-Qanuniyyah wa al-Shari'ah wa al-Mushkilat al-ilmiiyyah li al-Anwa'al-Hadithah li al-zawajwa al-Talaq*. Kaherah: Dar al- Kutub al-Hadith. Abd al-Karim Zaydan (1994). *al-Mufasssal fi Ahkam al-mar'ah wa al-bayt al-Muslim*, Jld. 6, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abd al-Rahman Al-Jaziri (1999). *Kitab al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arba'ah*, Jld. 4, Qaherah: Dar al-Manar.
- Abdul Latif, Adibah and Mohd Taib, Fatimah Harlina (2008). Hubungan Tingkah Laku Kesediaan Pensyarah Dengan tahap Motivasi Pelajar (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Ahmad Ibn Ali Ibn Hajr Al-Asqalani (2001). *Fath al-Bari bi al-Sharh Sahih al-Bukhari*, Jld. 1, 6 & 9, Qaherah: Maktabah Misr.
- Ahmad Iman. (2010). *Adat Budaya*. Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise.
- Ahmad Tajdid (2013, September 22). Jumlah lelaki melebihi wanita di Malaysia. *Harakahdaily*.

- Aini Hassan (2007). Kualitatif Atau Kuantitatif? Memahami Andaian Asas Yang Mendasari Penyelidikan Pendidikan. *Masalah Pendidikan*, 30 (1), 7-16.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali (t.t). *Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*, Jld. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Amir Khalid (2016, Mac 28). Wang Hantaran Tak Cukup, Bakal Pengantin Bertumbuk. *Utusan Online*.
- Amran Kasimin (1989). Adat Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan. In A. Kasimin, *Adat Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan* (pp. 50- 51). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Andrew Francis-Tan & Hugo M. Mialon (2015). "A Diamond Is Forever" And Other Fairy Tales: The Relationship Between Wedding Expenses And Marriage Duration. *Economic Inquiry*, 53(4), 1919-1930.
- Aslina Arshad (2008). Kajian Persepsi, Kesedaran Dan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Program Hari Khas Jpa Bersama Pelanggan Anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Azrina Sobian (2007). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. MPH Group Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan (Buku 2)*, ed. ke- 2. Malaysia: McGraw Hill.
- Farouq Johari (2014). Agama Vs Adat: Perkara Apa Yang Tak Perlu Sebenarnya Dalam Perkahwinan? Retrieved April 5, 2016, from <http://says.com/my/seismik/share-agama-vs-adat-perkara-apa-yang-tak-perlu-sebenarnya-dalam-perkahwinan>
- Fatimah Abdullah. (2009). Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan: Upacara Perkahwinan Melayu Bandar. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27, 97-107.
- Francis Bloch, Vijayendra Rao & Sonalde Desai (2004). Wedding Celebrations As Conspicuous Consumption Signaling Social Status In Rural India. *Journal of Human Resources*, 39(3), 675-695.
- Heng, H. L. S., & Guan, A. T. K. (2007). Examining Malaysian Household Expenditure Patterns On Food-Away-From-Home. *Asian Journal of Agriculture and Development*, 3(1).
- Ibn Qudamah (1997). *al-Mughni*, Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Jariah Masud & Laily Paim (1983). Corak Perbelanjaan Pekerja-Pekerja Kilang Di Paroi, Seremban dan Sungai Way, Selangor. *Pertanika*, 6(1), 43-47.
- Jariah Masud (1982). Corak Perbelanjaan dan Pengurusan Di Kalangan Beberapa Keluarga Melayu dan Cina Di Wilayah Persekutuan. *Pertanika*, 5(1), 45-52.
- Julie Pallant (2005), *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data*. Australia: Allen & Unwind.
- Kamil Maslih (2014, Disember 8). Kenduri besar bawa padah. *Utusan Online*.
- Kosmo. (2016, Mei 15). Pinjam RM85,000 untuk kahwin. *Kosmo*.
- Kosmo. (2016, Mei 15). Usah terikut trend hantaran tinggi. *Kosmo*.
- Mariatul Qatiah Zakaria (2011). Hantaran Sepadan Kos Belanja Kahwin. *Utusan Malaysia*.
- Mohamad Idham Md Razak, Nur Elimtiaz Abidin, Mohd Azmil Mohd Yusof, Siti Rosnita Sakarji & Khadijah Mohd Nor (2014). Spending Trends among Youth in Malaysia. *Journal of Economics and Development Studies*, 2 (1), 277-288.
- Mohd Diah (2011). Corak Perbelanjaan Kad Kredit Islam Oleh Pelanggan Bank (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Methods in Educational Research)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad 'Uqlah (2000). *Nizam al-Usrah fi al-Islam*, Jld. 1 & 2, Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Nor Azlina Shaari (2014, Disember 8). Perbelanjaan kahwin melampau membawa padah. *Utusan Online*.
- Norhuda Salleh (2014). Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan dalam Adat Perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 30 (Special issue), 177-190.
- Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman, Mohd Safar Hasim & Abdul Hamid Jaafar (2012). Corak dan Kesan Perbelanjaan Pelancong dari Timur Tengah ke atas Ekonomi Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1), 53-63.

- Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin & Raihana Abd Wahab. (2009). Hubungan di antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau Pinang Dan Perak. *Jurnal Fiqh*, 6.
- Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis. (2014). *Analisis Data Kuantitatif*. Kuala Lumpur: Kaisar Media Kreatif.
- Rosmah Dain. (2016, April 5). Wang Hantaran Hanya Adat. *Utusan Malaysia*.
- Roziyah Chek. (2010). Konsep perkahwinan dalam Islam dan Kristian: Kajian perbandingan/Roziyah binti Chek (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad Al-Khatib al-Sharbini. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, jld. 4, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Syahidatul Akmal Dunya. (2013). Trend Kahwin Lambat Belia Muslim. *Sinar Harian*.
- Syed Mahadzir. (2009). *Adat Resam dan Makanan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: EL Publication Sdn. Bhd.
- Syh Noorul Madiah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2014). Konsep *Al-Taysir* Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam. *Jurnal Syariah*, 22(3), 295-326.
- Syh Noorul Madiah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2016), Analisis Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Rasulullah SAW. *Jurnal Usuluddin* (43), 109-136.
- Tamar Djaja. (1980). *Tuntutan Perkahwinan dan Rumahtangga Islam*. Bandung: PT.Alma'arif.
- Taqy al-Din Abi Bakr Ibn Muhammad Al-Husayni. (t.t). *Kifayah al-Akhyar fi Hill Ghayah al-Ikhtisor*, Jld. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Tshediso Joseph Sekhampu & Ferdinand Niyimbanira. (2013). Analysis of the factors influencing household expenditure in a South African Township. *The International Business & Economics Research Journal*, 12(3), 279-284.
- Z. a.-D.-A. Al-Malbariy. (2008). *Fath al-Mu'ini*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Zainunnisaa Abdul Rahman. (2007). *Mahar in Malaysia: The Law Revisited*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Zurita Mohd Yusoff. (2008). Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (1).